

Diterima dan direkodkan  
pada 3/7/99

Tandatangan



UNIT KLRC

3/8/99

Hak milik  
Pustaka Peringatan Kuala Lumpur

# Warta DBKL

ISSN 0128 - 1194 MAC-APRIL 1999  
NASKHAI PERCUMA

## TANAM POKOK DI TAMAN PERMAINAN

Kelab Lions telah menyumbang sebanyak 43 batang pokok untuk ditanam di taman permainan Jalan Rumpai, Bangsar sempena memperingati ulang tahunnya yang ke 40.

Upacara menanam pokok itu telah dilakukan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Dato' Kamaruzzaman Shariff.

Pokok yang ditanam merupakan daripada jenis spesies Pelong, Pulai dan Meranti. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bertanggungjawab menyelenggarakan pokok-pokok berkenaan manakala Persatuan Pencinta Alam Malaysia akan memantau pertumbuhannya dengan dibantu oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Datuk Bandar Kuala Lumpur dalam ucapannya menyatakan Kelab Lions banyak memberi kerjasama dengan DBKL seperti menganjurkan Kempen Anti Kekotoran dan menyediakan perhentian bas. Kelab Lions baru-baru ini telah menandatangani Memorandum Persefahaman



Pokok yang ditanam memperingati ulang tahun Kelab Lions ke 40

(MOU) dengan DBKL untuk bersama-sama menjaga kebersihan bandar raya Kuala Lumpur.

Datuk Bandar Kuala Lumpur juga berharap Pertubuhan-Pertubuhan lain juga boleh memberi kerjasama untuk

menambah lagi pokok di kawasan lapang rumah dan taman permainan. Dengan cara ini ia akan mengindah dan menghijaukan setiap kawasan kediaman disamping membantu mengurangkan kesan-kesan pencemaran udara.

### KHABAR SEMASA

Tuisyen Nadi Beri Harapan	4
Pendaftaran Kematian	10
Hentian Bas Di Taja	11
Tandas Awam Berwajah Baru	12
Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur	13


### WARTA MENARIK

- \* 600 Rumah Sewa
- \* Kongres Jalan Se Dunia ke 21 Di Kuala Lumpur
- \* Tetamu Dari Esfaban


## ALBUM DBKL



KUNJUNGAN  
HORMAT DUTA AMERIKA  
SYARIKAT TYT MR. B. LYNN DISCO




DATUK BANDAR MERASMIKAN SWATCH SPRING/ SUMMER  
1999 COLLECTIONS DI SURIA KLCC



AHLI "URBAN COMMUNITY OF  
CASABLANCA" EN. AHMAD KADIRI



DIGITAL LIBRARY



DATUK BANDAR LONDON RT. HON. PETER LEVENE




DATUK BANDAR MENGHADIRI PERTANDINGAN GOLF IKATAN DI BUKIT  
UNGGLU GOLF CENTURY CLUB, DENGKIL SELANGOR



DATUK HAJI NOORDIN FLAG OFF PESERTA  
EKSPEDISI IKATAN

## DARI MEJA EDITOR



Kuala Lumpur telah banyak berubah dan membangun dibandingkan suku abad lalu. Perubahan ini bukan sahaja

memberi satu petanda baik kepada pembangunan negara bahkan juga kepada pembangunan rakyat di negara ini khususnya warga kota bandar raya yang sentiasa bekerja keras menjelang abad

Sebagai penguasa tempatan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sudah tentu tidak dapat menjamin kejayaan sesuatu mencangan pembangunan tanpa penglibatan dan sokongan warga kota. Penglibatan warga kota memainkan peranan penting dalam kemajuan dan kebersihan Kuala Lumpur.

Dalam usaha untuk meningkatkan kemampuan dan memperbaiki taraf hidup masyarakat, DBKL mempunyai peranan penting yang memerlukan semangat dedikasi dan keikhlasan. DBKL mengenal pasti beberapa ciri penting dalam menentukan perkhidmatan yang berkesan untuk pembangunan Kuala Lumpur. Antaranya, menyediakan perumahan awam untuk warga kota yang berpendapatan rendah, membina jalan raya dan meningkatkan kebersihan serta pengindahan bandar.

Bagi menghadapi alaf baru, warga kota perlu memupuk sikap dan semangat kejiranan antara satu sama lain. Semangat ini penting dalam mewujudkan kemesraan antara semua bangsa dan agama. Keteguhan dan perpaduan dalam sesuatu masyarakat merupakan asas kepada kemajuan dan kemakmuran Kuala Lumpur.

Penasihat :

Mohd Yusoff Bin Haji Ibrahim

Editor:

Sariffuddin Bin Ibrahim

Sub Editor :

Zainon Bt. Haji Alias

Siti Citrawani Bt. Hj. Hassan (Pelatih UMS)

DeenaRani a/p C. Sanmuganathan (Pelatih UM)

Hing Yen Feun (Pelatih UMS)

Arbaiyah Bt. Mohd Ramly (Pelatih ITM)

Jurufoto :

Mubarak Bin Mohd Atan

Abdul Rani Bin Mohd Sohor

Md. Ismail Bin Isnin

Nik Rozali Bin Nik Othman

Edaran:

Ramlan Bin Salleh

Alamat Editor

Warta DBKL, Bahagian Hal Ehwal Awam,

Jabatan Pengurusan Organisasi,

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Atau berhubung dengan

Puan Zainon Bt. Haji Alias

Tel: 03-291 6011 samb.3855

Faks: 03-298 0460

### PERHATIAN

Semua pendapat dan buah fikiran dalam Warta DBKL

tidak semestinya pendapat rasmi Pentadbiran

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

### Cetakan

Percetakan Nasional Malaysia Berhad

Jalan Chan Sow Lin 50554

Kuala Lumpur

Laman Web DBKL: <http://www.tm.net.my/dbkl/>

E-Mail: dbkl\_pro@tm.net.my